
Ibu bapa mahu UPSR dikembalikan

Oleh Zanariah Abd Mutalib - November 2, 2023 @ 1:56pm
zanariah_mutalib@bh.com.my



Undian di laman Facebook dan X (Twitter) Berita Harian Online.

KUALA LUMPUR: Rata-rata dalam kalangan masyarakat berpendapat Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) perlu dikembalikan semula bagi menilai pencapaian murid di peringkat sekolah rendah.

Berdasarkan tinjauan BH menerusi Facebook Berita Harian Online, dalam tempoh sejam sebanyak 89 peratus responden bersetuju peperiksaan itu diadakan semula, selepas dimansuhkan sepenuhnya pada 2021, manakala 11 peratus responden berpendapat ia tidak perlu.

Di akaun X Berita Harian, 76.8 peratus responden berpendapat **UPSR perlu dikembalikan**, manakala 21.2 peratus berpendapat ia tidak perlu.

Rata-rata pengguna Facebook yang memberikan pandangan di ruangan komen berkata, peperiksaan itu perlu dikembalikan bagi menilai tahap pendidikan murid hingga Tahun Enam dan supaya mereka lebih fokus dalam pelajaran.



Sarawak cadang rangka sistem penilaian sendiri ganti UPSR bagi sekolah kerajaan di negeri itu. - Foto hiasan NSTP/Nadim Bokhari
Ada yang berpandangan, jika UPSR dikembalikan, silibus sedia ada perlu dikaji semula, yang disifatkan sangat keterlaluan untuk peringkat usia murid berkenaan.

Seorang pengguna, Ryan LG berkata, peperiksaan itu akan mendorong murid untuk lebih berusaha dalam pelajaran, termasuk menghafal dan mengingati fakta serta mewujudkan persaingan sesama mereka.

Samat Samat pula berpendapat, **UPSR** akan menjadi galakan untuk murid di sekolah rendah supaya lebih bersedia mengharungi persekolahan di peringkat menengah.

"Tempoh yang terlalu lama dari Darjah Satu hingga Tingkatan Lima. Walaupun ada peperiksaan yang disediakan di peringkat sekolah masing-masing, aura pembelajaran dan persediaan yang dihadapi tidak sama sebagaimana sistem UPSR, Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)," katanya.

Sementara itu, pengguna Facebook, Kak EF menyifatkan silibus pelajaran bagi sekolah rendah perlu dikaji semula sebelum UPSR dikembalikan.

"Adakan peperiksaan seperti biasa untuk murid Darjah Tiga hingga Enam. Untuk murid Tahun Satu dan Dua boleh buat secara Pentaksiran Bilik Darjah (PBD).

"UPSR bagi murid Tahun Enam perlu diteruskan untuk masuk ke sekolah menengah atau asrama penuh kerana bagi saya, penilaian ini sangat penting. Jadi, tiada istilah cikgu sekolah menengah nanti pening dapat murid yang masih tidak dapat menguasai benda asas (seperti) membaca dan mengira.

"PBD sekarang tidak berkesan sangat pun. Cuba juga minta pendapat cikgu-cikgu," katanya.

Bagi yang tidak bersetuju, mereka menyifatkan peperiksaan pertengahan dan akhir tahun di sekolah sudah cukup untuk menilai pencapaian murid, dan dengan silibus sedia ada UPSR dijangka membebankan guru serta murid.

Pada 28 Oktober lalu, Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek, berkata **UPSR tidak akan dikembalikan** walaupun ada permintaan ibu bapa yang mahu satu penanda aras bagi pencapaian anak mereka.

Fadhlina berkata, tumpuan ketika ini ialah Tinjauan Pelaksanaan Kurikulum Persekolahan 2027 dalam membangunkan kurikulum baharu, bagi memastikan pendidikan masa depan yang lebih baik.

Semalam, Menteri Pendidikan, Inovasi dan Pembangunan Bakat (MEITD) Sarawak, Datuk Seri Roland Sagah Wee Inn, berkata negeri itu bercadang merangka **sistem penilaian sendiri bagi menggantikan UPSR** untuk murid Tahun Enam di semua sekolah kerajaan di negeri itu.

Katanya, perkara itu sedang diteliti kerana pihaknya percaya, ujian itu adalah penanda aras sebenar untuk menilai prestasi pelajar dan amat penting bagi menentukan aliran mana harus ditempatkan pelajar terbabit apabila memasuki pendidikan menengah.